

Saya patuh jika Najib dipilih TPM — Muhammad

UMNO 6 JUL 2002

KUALA LUMPUR 5 Julai — Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib berkata, beliau akan patuh kepada keputusan parti termasuk sekiranya Datuk Seri Najib Tun Razak dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Tegasnya, sebagai seorang ahli UMNO yang taat, beliau akan akur kepada setiap keputusan yang dibuat oleh pucuk pimpinan.

“Saya seorang yang taat setia kepada parti, sebarang keputusan parti, saya akan patuh,” katanya kepada *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau diminta mengulas ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad kelmarin menyebut Najib mungkin akan dipilih sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Berucap pada majlis perjumpaan dengan Jawatankuasa

UMNO Bahagian Kubang Pasu di Putrajaya kelmarin, Dr. Mahathir berkata:

“Sebenarnya, kalau saya tak jadi Perdana Menteri, hari ini Pak Lah (Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) jadi Perdana Menteri dan mungkin Najib jadi Timbalan Perdana Menteri, tetapi mereka sanggup tunggu selama 16 bulan lagi untuk mendapat jawatan itu”.

Semalam, Najib berkata, beliau terkejut apabila Dr. Mahathir menyebut dirinya mungkin jadi Timbalan Perdana Menteri.

Menteri Pertahanan itu menjelaskan: “Saya terkejut pasal Perdana Menteri cakap cara terbuka”.

Pada pemilihan UMNO 2000 bagi jawatan Naib Presiden, Najib meraih 1,289 undi, Muhammad (853) dan Tan Sri Muhyiddin Yassin sebanyak 813 undi.